

UOBAM (Malaysia) launches its first Shariah-compliant ESG fund to help retail investors benefit from sustainable investments



Headline : Ekonomi ke paras sebelum COVID-19 dijangka 2022
Media : www.bharian.com.my
Date : 26 January 2021
Page : <https://www.bharian.com.my/bisnes/lain-lain/2021/01/780050/ekonomi-ke-paras-sebelum-covid-19-dijangka-2022>

Ekonomi ke paras sebelum COVID-19 dijangka 2022

Oleh Mahanum Abdul Aziz - Januari 26, 2021 @ 1:38pm
mahanum_aziz@bh.com.my



Malaysia mampu mencapai tahap ekonomi ke paras sebelum COVID-19 - Foto Aswadi Alias

KUALA LUMPUR: Terdapat kemungkinan untuk menunggu sehingga 2022 bagi ekonomi kembali ke paras sebelum COVID-19, demikian menurut pandangan UOB Asset Management (Malaysia) Bhd (UOBAM).

Ketua Pegawai Pelaburan UOBAM, Francis Eng, berkata pihaknya akan memantau secara rapat impak Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 2.0 terhadap ekonomi Malaysia dan usaha mengawal penularan COVID-19 di negara ini.

"Secara idealnya, kita boleh capai ke paras sebelum COVID-19 dalam sebahagian 2021, namun ia sangat bergantung kepada PKP 2.0 dan berapa pantas dapat membendung pandemik," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media secara maya sempena pelancaran 'United-i Asia ESG Income Fund (UiAIF)', hari ini.

Mengulas lanjut, Eng berkata, walaupun Kadar Dasar Semalaman (OPR) dijangka diturunkan lagi, ia tidak akan menjejaskan daya tarikan pasaran pendapatan tetap tempatan terhadap pelabur asing.

UOBAM (Malaysia) launches its first Shariah-compliant ESG fund to help retail investors benefit from sustainable investments

Beliau berkata, UOBAM menjangkakan OPR akan diturunkan lagi jika tempoh PKP 2.0 dilanjutkan daripada tempoh yang dijadualkan dan langkah yang lebih ketat dilaksanakan bagi membendung pandemik.

"Kita kini berada dalam persekitaran yang mana kadar faedah global berada di paras sangat rendah dan di luar sana, terdapat bon yang bernilai trilion (dolar) dengan pulangan negatif.

"Dengan kecairan yang tinggi, kami fikir hasil di sini (Malaysia) masih menarik," katanya.

Sementara itu, Ketua Pegawai Eksekutif UOBAM Malaysia, Lim Suet Ling berkata aliran masuk asing ke dalam pasaran bon tempatan dijangka kekal kukuh tahun ini disokong oleh perbezaan kadar faedah yang ketara antara pasaran maju dan pasaran baharu muncul termasuk Malaysia.

Beliau berkata, pengurus dana dari pasaran maju seperti Amerika Syarikat (AS), Eropah dan Jepun meninjau ke dalam pasaran bon yang mampu menawarkan pulangan yang menarik.

Katanya, walaupun terdapat kebimbangan terhadap penurunan penarafan hutang Malaysia, namun ia kini dilihat lebih kepada kekal tidak berubah.

"Pengurus dana dari Eropah, malah dari AS akan melihat berdasarkan perbezaan kadar faedah untuk melabur. Dalam hal ini, kami melihat Malaysia berada dalam kedudukan baik untuk mendapat manfaat," katanya.

Mengulas mengenai UiAIF, Suet Ling, berkata dana itu dilancarkan bertujuan memberikan pelabur runcit pendapatan dividen dan peningkatan modal dalam jangka masa sederhana hingga panjang melalui pelaburan yang mampan.

Katanya, dana itu melabur dalam pelbagai portfolio merangkumi ekuiti dan instrumen hutang yang dikeluarkan oleh syarikat di seluruh rantau Asia (tidak termasuk Jepun) yang mematuhi prinsip Syariah di samping memberi pertimbangan kepada faktor alam sekitar, sosial dan tadbir urus (ESG) ke dalam model dan amalan perniagaan.

UiAIF adalah sesuai untuk pelabur runcit yang mempunyai profil risiko sederhana dan ia disediakan dalam nilai ringgit, dolar Australia dan dolar AS dengan pelaburan minimum awal sebanyak masing-masing RM1,000, AUD1,000 dan AS\$1,000.

UOBAM Malaysia adalah pengurus UiAIF, manakala UOB Islamic Asset Management Sdn Bhd adalah pengurus pelaburan.